

12 FEB 1998

## SIEMENS AKAN LABUR AS\$50 JUTA DI DALAM MSC

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Siemens, syarikat multinasional Jerman di dalam industri telekomunikasi dan teknologi maklumat, merancang untuk melabur kira-kira AS\$50 juta di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini dalam 10 tahun akan datang.

Naib presiden eksekutifnya, Axel Hass, berkata hari ini bahawa pelaburan itu akan berada dalam kadar AS\$5 juta setahun.

"Berasaskan kepada pelaburan kami sebelum ini di Malaysia, kami dengan jelas berfikir bahawa kami akan melakukan beberapa aktiviti tambahan (pelaburan) di dalam MSC. Ini terutamanya di pihak perisian dan program-program pendidikan," beliau memberitahu pemberita pada mesyuarat kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC di sini.

Siemens, salah satu daripada 103 syarikat asing dan tempatan yang diberikan status MSC, adalah juga salah satu pelabur asing terbesar di Malaysia. Ia memulakan operasi di sini lebih daripada 20 tahun lalu dan kini mempunyai kira-kira 9,000 pekerja.

Mengenai MSC, Hass, yang menghadiri mesyuarat itu bagi pihak pengerusi Siemens Corporation Dr Heinrich von Pierer, berkata bahawa adalah penting terfokus dengan jelas dan mendefinisikan projek-projek supaya mempercepatkan keseluruhan MSC.

"Saya tertarik sekali dengan ide-ide Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed) dan bagaimana beliau menyatukan orang ramai. Ini adalah penting bagi menarik sebilangan besar syarikat-syarikat yang mampu melabur. Ini sesuatu yang amat membantu projek ini," katanya.

Projek MSC itu, katanya, telah mencapai kemajuan yang menarik sejak ia dilancarkan tahun lalu.

"Daripada apa yang telah dibincangkan setahun lalu dan apa yang telah dicapai adalah satu prestasi yang sebenarnya besar," katanya.

Hass juga tidak menolak kemungkinan Siemens melabur lebih banyak di dalam industri tenaga Malaysia.

Mengenai pembiayaannya, katanya, "Kedua-dua pihak perlu memikirkan kaedah-kaedah pembiayaan baru. Kedua-dua pihak perlu memikirkan pembiayaan yang menarik dan kreatif."

Mengenai masalah ekonomi Malaysia, Hass berkata tahap pendidikan, produktiviti dan profesionalisme yang tinggi di kalangan rakyat akan membantu negara ini pulih.

Beliau cukup yakin bahawa semuanya akan kembali seperti sedia kala dengan lebih cepat. -- BERNAMA

RV OS